

**SOALAN NO :50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[PENGKALAN CHEPA]**  
**TARIKH : 22 OKTOBER 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa peratusan masyarakat yang menolak imunisasi (anti-vaksin) hasil gerakan anti-vaksin yang aktif di media sosial. Adakah terdapat peningkatan penularan penyakit akibat dari penolakan vaksinasi tersebut.

**Tuan Yang DiPertua,**

Pemantauan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati terdapat segelintir ibubapa yang menolak vaksinasi untuk anak-anak mereka. Data dari Klinik Kesihatan (KK) menunjukkan bilangan kes-kes yang menolak vaksin di kalangan ibubapa meningkat dari 470 kes pada 2013 kepada 1292 kes pada tahun 2014 dan 1054 kes sehingga Mei 2015. Walau bagaimanapun, data ini hanyalah sebahagian dari data yang di kumpul dari klinik kesihatan sahaja.

**Tuan Yang DiPertua,**

Berdasarkan pemantauan melalui sosial media, didapati wujudnya fenomena gerakan antivaksin yang secara terang-terangan menolak vaksinasi. Antara hujah-hujah gerakan antivaksin ini adalah :

- Status halal sesuatu vaksin bagi yang beragama Islam;
- Amalan perubatan homeopati dan tradisional yang dipercayai lebih selamat dan berkesan;
- Vaksin mengandungi bahan-bahan merbahaya dan boleh mengancam kesihatan dan nyawa;
- Risau kesan sampingan akibat vaksin;
- Tiada lagi berlakunya penyakit berjangkit yang boleh dicegah melalui vaksinasi;

- Program imunisasi yang dijalankan oleh kerajaan bertujuan untuk melemahkan umat islam, vaksin mengandungi bahan-bahan haram dan membahayakan yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa manusia;
- Pengaruh sosial media tentang keburukan vaksin;

**Tuan Yang DiPertua,**

Mengenai tren kejadian penyakit cegahan vaksin di Malaysia, terdapat peningkatan kes dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun kebelakangan ini. Bilangan kes measles (campak) meningkat dari 235 kes pada tahun 2014, kepada 539 kes sehingga September 2015. Penyakit Pertusis (batuk kokol) pula bertambah dari 497 kes pada 2014 kepada 655 kes pada 2015. Bilangan kes Tetanus (kancing gigi) juga meningkat hampir dua (2) kali ganda, daripada 12 kes pada 2014 kepada 22 kes sehingga September 2015.

Namun begitu, tren peningkatan ini bukanlah hanya disebabkan faktor gerakan antivaksin. Banyak faktor yang saling berkait menyebabkan situasi ini berlaku seperti kurang kefahaman kaedah mencegah penularan penyakit di kalangan masyarakat, kelewatan mendapatkan rawatan, kelemahan dalam aspek pengurusan kes dan kontak serta peningkatan kedatangan warga asing yang tidak diketahui status vaksinasi.